

HIKMAH

'MyHikmah' UNGGULI APS 2023



- PERJUMPAAN KETUA PUSTAKAWAN BERSAMA STAF
- KUMPULAN VARIANT MENERIMA PENARAFAN EMAS
- PLH JOHAN PERTANDINGAN LAMAN WEB UTEM
- PERASMIAN SERAMBI ILMU RAKYAT CORNER
- PROGRAM BULAN MEMBACA 2023

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Siti Saluwa Binti Jamal

KETUA EDITOR

Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

EDITOR

Hasliza binti Mohamed

PEMBACA PRUF

Noraini binti Mohd Noor

PENGARANG

Arman bin Mohammad

Mahadir bin Che Ali

Mohd Mawardi bin Badruddin

Mez Zelina binti Yusof

Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

Hasliza binti Mohamed

Norazizah binti Md Tahir

Mohd Ikbar bin Abdul Jabbar

Nor Aini binti Md. Jali

Intan Syaziyah binti Mohammad Isa

Nur Jannah Teh binti Muhammad Firdaus Teh



PEREKABENTUK GRAFIK/ FOTO

Mohd Siddiq Azizi bin Jais

Mohamad Azhari bin Johari

PENYELARAS LIPUTAN

Muhamad Hafeez bin Zainudin

Ahmad bin Abu Bakar

Kamariah binti Kamis

Muhammed Rashid Bin Mat Derus

Norfazlin binti Tambi Chek

Ahmad Tarmizi Bin Abdul Hadi

Perpustakaan Laman Hikmah,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
Hang Tuah Jaya,76100 Durian Tunggal, Melaka.

Phone: +6062701200

Email: lamanhikmah@utem.edu.my

Buletin MyHikmah akan diterbitkan dua kali setahun

Copyright © 2022 PLH | Perpustakaan Laman
Hikmah.
All Right Reserved

KANDUNGAN

- Sekapur Sirih 03
- Kenaikan Pangkat dan Lantikan 04

Utama

- 'MyHikmah' Ungguli APS 2023 06

Aktiviti

- Perasmian Serambi Ilmu Rakyat Corner 07
- Lawatan Tapak Untuk Program Hab De-Rantau 08
- Lawatan Kerja Ke UiTM Shah Alam 09
- Lawatan Pelajar Sekolah Menengah Munshi Abdullah 10
- SIRI 1: Bicara Amalan Hidup Sihat – Menangani Kos Sara Hidup 11
- SIRI 2: Bicara Amalan Hidup Sihat – Betulkah Kalau Derma Darah... 12
- Kunjungan Hormat MPP UTeM 13
- Kunjungan Hormat Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia 14
- Pameran Israk Mikraj 15
- Pelaksanaan Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 UTeM Bagi Tahun 2023 16
- Sambutan Mahabbah Aidilfitri UTeM 17
- Program Jom Baca Sempena Bulan Membaca 2023 18
- Bedah Buku: "Ulul Albab: Mengungguli Minda Generasi Madani" 19
- Penilaian Akreditasi Penuh MBOT 20
- Lawatan Penanda Aras: Bahagian Sistem & Teknologi Maklumat 21
- Perjumpaan Ketua Pustakawan Bersama Staf 23
- Bulan Membaca-Pertandingan Info Hunt 24
- Program Iqra UI-Quran Pertandingan Bacaan & Terjemahan 25
- Taklimat Penggunaan Pangkalan Data Scival & InCities 26
- Perkongsian Ilmu Sistem KOHA kepada institut kesihatan negara 27
- Taklimat Kesedaran Cekap Tenaga 28
- 'Research Support Week 2023' 29

Komuniti

- PLH Komited Mencari Peluang Kolaborasi 30

Anugerah dan Capaian

- Kumpulan PLH Variant Menerima Penarafan Emas 31
- PLH Memenangi Pertandingan Video Pendek Integriti 32
- Johan Pertandingan Laman Web UTeM 32

Kelab LISTAC

- Majlis Perpisahan Dan Penghargaan 33
- 'Brisk Walk' Tanda Sokongan Gaya Amalan Hidup Sihat 34
- Gotong-Royong Sempena Majlis Iftar Ihya' Ramadhan 35
- Majlis Aildilfitri PLH 36
- Program Titian Kasih Ramadhan 37

Artikel Bebas

- Pelaburan Perpustakaan Maksima Manfaat 38
- Sentiasa Melakukan Audit Tenaga Di Rumah 39
- Dokumentasi Lisan Dan Kepentingannya Terhadap Institusi Perpustakaan 40

Promosi

- PLH Langgar 6 Pangkalan Data Atas Talian 41
- Informasi PLH 42
- Kempen Sumbangan Buku 43

SEKAPUR SIRIH

Assalamualaikum dan Salam Muhibbah

Alhamdulillah, rasa bersyukur dipanjangkan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dipermudahkan urusan bagi menerbitkan Buletin MyHikmah edisi 1 tahun 2023. Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada sidang redaksi yang telah mengembangkan tenaga, menjalin usaha dan menggarap buah fikiran untuk menerbitkan buletin ini. Buletin ini meneruskan kesinambungan dari edisi terdahulu dengan matlamat untuk menyebarluaskan maklumat khususnya berkaitan aktiviti-aktiviti dan momen istimewa PLH berlatarbelakangkan senario setengah tahun pertama 2023.

Syabas sekali lagi kepada sidang redaksi Buletin MyHikmah tahun 2022 di atas kecemerlangan mengungguli Anugerah Persuratan Selatan 2023 kategori Citra Bahasa: Buletin Jabatan dengan membawa pulang wang kemenangan bernilai RM 1000 beserta sijil penghargaan. Alhamdulillah PLH melakar kemenangan, berdasarkan 63 penyertaan pelbagai kategori/agensi daripada negeri Johor dan Melaka bagi penerbitan yang dihasilkan pada tahun 2021 dan 2022. Diharapkan kemenangan ini sebagai tanda semangat untuk lebih menyinar ke hadapan.

PLH yang menjadi tunjang kepada aktiviti galakan membaca serta langkah promosi, bergerak aktif untuk menghubungkan perpustakaan dengan warga kampus selain menyemarakkan penyampaian maklumat dan perkhidmatan sama ada secara fizikal atau maya. Perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam pelbagai medium pada tahun ini sebagai menzahirkan komitmen PLH dalam usaha memberikan perkhidmatan dan kemudahan terbaik serta keutamaan memenuhi kehendak maklumat warga UTeM.

Sasaran 87 aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan dengan pelbagai skala serta 30 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pada tahun lalu telah dapat dicapai.

Marilah kita merenung kembali dan membuat penilaian terhadap prestasi dan pencapaian PLH sepanjang tahun lalu untuk kita memperbaiki setiap kekurangan yang ada demi mencapai matlamat serta harapan semua pihak dalam memastikan perpustakaan kekal relevan. Pada tahun ini, saya mengharapkan agar PLH terus cemerlang terutama kepada fokus yang telah ditetapkan melibatkan enam teras Perancangan Strategik PLH 2023-2025 supaya direalisasikan melalui perancangan yang baik dan pelaksanaan yang memenuhi arah tuju PLH untuk tempoh 3 tahun mendatang.

Saya dengan ikhlas berharap agar PLH terus melangkah maju ke hadapan dan mencipta kejayaan demi kejayaan ke arah mewujudkan warga kampus yang bermaklumat.



KENAIKAN PANGKAT DAN LANTIKAN



Perpustakaan Laman Hikmah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Puan Siti Saluwa Jamal di atas kenaikan pangkat dan pelantikan ke jawatan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Laman Hikmah berkuatkuasa 1 Mac 2023 sehingga 28 Februari 2026.

Semoga dengan kenaikan pangkat ini akan memberi semangat untuk terus berusaha dengan gigih dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan seterusnya merealisasikan visi dan misi PLH demi kemajuan Universiti.

Perpustakaan Laman Hikmah juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada staf PLH yang telah turut dinaikkan pangkat:

- Encik Arman Bin Mohammad, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
- Cik Rasida Binti Abu Bakar, Timbalan Ketua Pustakawan
- Encik Mahadir Bin Che Ali, Timbalan Ketua Pustakawan

Semoga terus bersemangat di masa akan datang untuk menjadi pemimpin yang menginspirasi, mencipta sumbangan positif serta memberikan manfaat yang besar kepada PLH khususnya dan UTeM amnya.



'MYHIKMAH' UNGGULI APS 2023

Oleh : Muhamad Hafeez Bin Zainudin



Majlis Penyampaian Anugerah Persuratan Selatan (APS) telah diadakan pada 24 Jun 2023 bersempena dengan sambutan Ulang Tahun DBP ke-67 bertempat di Perpustakaan Sultan Ismail Johor Bahru, Johor.

Anugerah ini mengiktiraf karya dan karyawan Johor dan Melaka yang bergiat dalam seni persuratan serta memberi sumbangan dalam bidang persuratan Melayu. Penerbitan yang dicalonkan merupakan karya yang telah dihasilkan pada tahun 2021 dan 2022.

Anugerah Persuratan Selatan dilaksanakan secara dwitahunan bagi memberi peluang di wilayah selatan khususnya Johor dan Melaka untuk mencalonkan karya masing-masing. Anugerah ini telah mengiktiraf karya yang terbaik untuk dijadikan rujukan dan bacaan kepada masyarakat seterusnya menyebarluaskan kandungan persuratan Melayu.

Diantara kategori telah dipertandingkan, iaitu novel terbaik, kumpulan cerpen terbaik, kumpulan puisi terbaik, buku kanak-kanak bergambar terbaik, skrip drama pentas terbaik, laporan tahunan jabatan terbaik, majalah sekolah terbaik dan buletin jabatan terbaik.

Perpustakaan Laman Hikmah mengambil peluang ini dengan menghantar penyertaan buat pertama kalinya. Karya penyertaan tersebut telah terpilih diantara 63 organisasi lain dan dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori Buletin Jabatan terbaik dengan memperolehi penghargaan.



Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Kassim Bin Tukiman, Ahli Penasihat Jumaah Majlis DiRaja Johor. Turut serta dalam majlis adalah Encik Mohd. Riduan Wahab, wakil rasmi Ketua Pengarah DBP dan YM Tengku Tarmizi Tengku Aziz, wakil rasmi Datuk Bandar Johor Bahru.



Melalui penganjuran APS ini, Perpustakaan Laman Hikmah berharap dapat meningkatkan dan memupuk perkembangan penulisan, menggalakkan penerbitan karya yang bermutu dan memasyarakatkan bidang persuratan khususnya warga kerja kami. Ia juga dapat memberikan pengiktirafan kepada pengkarya untuk menghasilkan karya yang bermutu dan bernilai.

Tahniah! Jawatankuasa Buletin PLH 2022/2023

PERASMIAN SERAMBI ILMU RAKYAT CORNER

Oleh : Arman Bin Mohammad

Pada 27 Januari 2023 bertempat di Ruang Santai, Aras 2, Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk, telah berlangsung Majlis Perasmian Serambi Ilmu Rakyat (SIR) Corner dan Penyerahan Bantuan Awal Pengajian (BAP) oleh Yayasan Bank Rakyat.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBrs. Profesor Ts. Dr. Masila Binti Kamalrudin, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Bersama hadir di dalam majlis ini adalah Encik Syaiful Rizal Bin Abdul Ghani, Pengurus Besar Yayasan Bank Rakyat.



Turut hadir pada majlis tersebut adalah Tuan Haji Burhanuddin Bin Mohd Radzi, Pengarah Urusan Les' Copaque yang sudi menyumbang buku kepada Naib Canselor dan Perpustakaan Laman Hikmah.

Terima kasih diucapkan kepada Yayasan Bank Rakyat, Les' Copaque dan semua yang telah menjayakan majlis ini.



Yayasan Bank Rakyat telah menyumbangkan set perabot SIR Corner kepada Perpustakaan Laman Hikmah yang dilengkapi dengan akses kepada tujuh (7) pangkalan data bernilai RM 15,000.00.

Pengurus Besar Yayasan Bank Rakyat turut juga menyerahkan Bantuan Awal Pengajian (BAP) berjumlah RM 100,000.00 kepada Naib Canselor UTeM yang melibatkan seramai 100 orang pelajar UTeM dari golongan B40 dengan jumlah RM 1,000.00 setiap seorang.



LAWATAN TAPAK UNTUK PROGRAM HAB DE-RANTAU

Oleh: Harulrizam Bin Mohamed @ Ghazali



Negeri Melaka telah terpilih menjadi lokasi Hab DE Rantau yang keempat selepas Pulau Pinang, Langkawi dan Kuala Lumpur. Program ini bertujuan menjadikan Melaka sebagai hab nomad digital di seluruh dunia melalui perkongsian maklumat, kepakaran dan kemahiran. Ini seterusnya dapat memberi kesan limpahan kepada ekonomi dan meningkatkan industri pelancongan.

Nomad digital merujuk kepada kumpulan orang yang boleh melakukan kerjanya di mana sahaja, pada bila-bila masa tanpa terikat dengan waktu dan tempat.

Satu lawatan tapak untuk 'Program Hab DE Rantau UTeM-Melaka' oleh pihak Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) di Perpustakaan Laman Hikmah.

Lawatan tersebut adalah inisiatif UTeM menjadi salah satu destinasi pilihan Hab DE Rantau di Melaka dan juga di ASEAN kepada nomad digital dan profesional digital sekaligus mempromosikan UTeM dalam sektor Pelancongan Pendidikan (Edu Tourism).

Lokasi lain yang turut dilawati adalah seperti Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK), Sasana Niaga, Asrama Pelajar dan Pusat Sukan.

Wakil dari MDEC adalah Puan Noraizah Bt Mohammad. Manakala dari UTeM adalah Prof. Madya Ir. Dr. Md Nazri Bin Othman, Ts. Dr. Nurul Hanim Binti Razak, Ts. Dr. Mohd Hafidzal Bin Mohd Hanafi, Prof. Dr. Ahmad Zaki Bin Abu Bakar dan Puan Siti Saluwa Binti Jamal.

UTeM juga dalam usaha untuk bersama-sama menjadi hab digital dalam program DE Rantau @Melaka. Dalam masa yang sama, inisiatif ini akan menjadikan UTeM sebagai universiti pertama di Malaysia sebagai hab DE Rantau di Malaysia.



LAWATAN KERJA KE UITM SHAH ALAM

Oleh: Harulrizam Bin Mohamed @ Ghazali

Pada 8 Mac 2023 seramai lima orang staf Perpustakaan Laman Hikmah iaitu dua orang Pustakawan Kanan, dua orang Pembantu Pustakawan Kanan dan seorang Penolong Jurutera telah mengadakan lawatan kerja ke Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor.

Tujuan utama lawatan kerja sehari ini diadakan adalah untuk berkongsi pengalaman dan idea yang memfokuskan kepada pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan pelaporan pelan strategik. Pelan strategik sangat penting dalam sesbuah organisasi kerana ia membolehkan aktiviti-aktiviti dirancang mengikut kepentingan dengan jelas dan sistematik, mengenal pasti tahap pencapaian agar kekal proaktif terhadap perubahan yang berlaku. UiTM dipilih kerana mempunyai pengalaman yang luas dalam melaksanakan perancangan strategik yang terbaik.

Sesi perkongsian telah diketuai oleh Tuan Hj. Azizi bin Hj. Jantan, Ketua Timbalan Pustakawan bersama staf Bahagian Dasar & Perancangan Strategik, Jabatan Pengurusan PTAR. Selain itu, kedua-dua pihak turut membincangkan beberapa amalan terbaik pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan untuk menjadikan satu pelan perancangan itu lebih bermanfaat mengikut perubahan persekitaran dan keperluan semasa.

Semoga sesi lawatan kerja ini dapat memberi manfaat jangka panjang dalam hubungan dua hala kedua-dua belah pihak.



LAWATAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH MUNSHI ABDULLAH

Oleh: Harulrizam Bin Mohamed @ Ghazali



Pada 24 Mac 2023, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menerima lawatan pelajar Sekolah Menengah Munshi Abdullah di bawah Sekretariat Anak Negeri Melaka. Seramai 150 pelajar yang terlibat dalam lawatan ini. Lawatan ini secara asas adalah memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan perkhidmatan dan kemudahan di perpustakaan akademik selain memberi perspektif baharu kepada pelajar berkenaan konsep dan situasi sebenar persekitaran perpustakaan moden kini.

Rombongan pelajar tersebut dibahagikan kepada kumpulan kecil dan dibawa untuk melawat ke sekitar bangunan PLH. Terdapat keterangan kepada mereka yang hadir yang dengan melihat struktur bangunan, kemudahan dan fasiliti yang disediakan di PLH.

Diharapkan suasana ini dapat menyuntik semangat mereka untuk belajar dengan lebih cemerlang dan menanam iltizam untuk melangkah masuk ke universiti yang menyediakan ruang belajar yang lebih kondusif dan selesa.

Semoga ada ilmu yang dapat dimanfaatkan semasa lawatan ini diadakan.



SIRI 1: BICARA AMALAN HIDUP SIHAT – MENANGANI KOS SARA HIDUP

Oleh : Arman Bin Mohammad



Program Talkshow@PLH, Bicara Amalan Hidup Sihat Siri 1 bertajuk "Menangani Kos Sara Hidup : Kesan dan Solusi" merupakan kolaborasi Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) bersama Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar.

Program ini telah berlangsung pada 21 Mac 2023 di Ruang Santai, Aras 2, PLH bermula pada pukul 9.30 pagi sehingga 12.00 tengahari. Perkongsian maklumat tersebut disampaikan oleh Puan Wan Nor Azmiza Mhd Nor, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan Encik Aimee Kamar Othman, Eksekutif Kanan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Sesi bicara ini bertujuan untuk berkongsi informasi dan mengupas isu-isu semasa berkenaan kos sara hidup dan langkah-langkah mengatasinya selain merupakan salah satu langkah berterusan dalam memberi maklumat kepada warga kampus melalui pelbagai medium.



SIRI 2: BICARA AMALAN HIDUP SIHAT – BETULKAH KALAU DERMA DARAH...

Oleh : Arman Bin Mohammad

Sempena Hari Penderma Darah Sedunia, Program Talkshow@PLH, Bicara Amalan Hidup Sihat Siri ke-2 “Betulkah Kalau Derma Darah...” anjuran Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dengan kerjasama Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi (BGPO), Pejabat Pendaftar, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan dan Infineon Technologies telah diadakan. Program ini merungkai persoalan-persoalan yang berkaitan dengan derma darah serta mempromosikan kepentingan derma darah kepada peserta yang hadir.

Program ini telah berlangsung pada 14 Jun 2023 di PLH Kampus Induk bermula pada pukul 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Taklimat yang disampaikan oleh Dr. Norazlina Binti Hamzah, Pakar Perubatan Transfusi, Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Melaka. Selain daripada itu, turut diadakan program derma darah dan briskwalk sebagai aktiviti sokongan kepada warga universiti. Program bicara ini banyak memberi kesedaran kepada peserta yang hadir untuk sama-sama menderma darah ke dalam tabung darah negara. Ini dapat dilihat dengan penyertaan peserta yang hadir sebagai penderma.



KUNJUNGAN HORMAT MPP UTEM

Oleh: Harulrizam Bin Mohamed @ Ghazali

Pertemuan yang dirancang antara Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dan juga Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2022/2023 telah berjalan dengan lancarnya pada 30 Mac 2023 jam 2.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, PLH melalui sesi yang dinamakan "Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ke Perpustakaan Laman Hikmah UTeM".

Perpustakaan diketuai oleh Ketua Pustakawan iaitu Puan Siti Saluwa Binti Jamal dan turut hadir bersama Timbalan Ketua Pustakawan dan Ketua-ketua Bahagian.

Manakala MPP diwakili dua Exco Akademik dan Kerjaya oleh Saudara Muhammad Khairul Syakirin bin Syahrul Kamal dan Saudari Nurul Ain Sabirah Binti Abd Rahim.

Tujuan kunjungan ini adalah bagi menjalinkan hubungan yang baik dan pada masa yang sama mengambil inisiatif bertukar pendapat dan pandangan bagi meluaskan lagi sudut pandang dalam menyelesaikan isu yang dilontarkan oleh pihak mahasiswa.



Antara intipati dalam sesi interaksi dua hala ini adalah harapan Ketua Pustakawan terhadap MPP dalam memberi kerjasama dan sebagai agen kepada pelajar terutamanya dalam aspek penggunaan kemudahan dan perkhidmatan serta peluang-peluang penambahbaikan mengikut kehendak dan trend mahasiswa di UTeM kini.



Turut diperbincangkan adalah beberapa program yang akan dijalankan selepas ini agar mendapat sokongan dari MPP bagi memupuk rasa cinta di kalangan mahasiswa terhadap ilmu dan perpustakaan.

PLH mengucapkan jutaan terima kasih kepada wakil MPP kerana sudi meluangkan masa dalam kunjungan hormat ini.

KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA

Oleh: Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali



UTeM
Universiti Teknologi MARA
Malaysia

SELAMAT DATANG
KE PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

VBr. Dr Ghazali Mohamed Fadzil
Presiden, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)
9 Jun 2023 | 10.00 pagi

Pada 9 Jun 2023, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menerima lawatan kunjungan hormat dari Dr. Ghazali Mohamed Fadzil, Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Beliau telah dilantik sebagai Presiden PPM bagi penggal 2022/2024 pada 28 Mei 2022 melalui Mesyuarat Agung Tahunan PPM ke-66.

Sebagai Presiden PPM, beliau berhasrat meneruskan agenda mengubah minda pustakawan di Malaysia untuk menangani isu, cabaran dan peluang, di samping membangunkan perpustakaan yang lebih progresif bagi menangani isu semasa dalam sektor perpustakaan serta mewujudkan hubungan pengantarabangsaan dengan memastikan pembangunan profesional dan kepimpinan secara berterusan.

Dengan misi tersebut, beliau membuat kunjungan hormat kepada perpustakaan terpilih dan PLH adalah di antaranya. Satu sesi perkongsian idea dan pendapat antara beliau dan pihak pengurusan telah diadakan dalam menjadikan perpustakaan tempat yang terbaik untuk semua serta peranan memperkasa perpustakaan yang kekal relevan dengan perubahan situasi semasa.



PAMERAN ISRAK MIKRAJ

Oleh: Nor Aini Binti Md. Jali



Pameran Fizikal @PLH merupakan pameran bermusim yang dipamerkan di Ruang Santai Aras 2, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) berhadapan dengan kaunter Sirkulasi. Antara pameran yang dihasilkan bertajuk "Peristiwa Israh Mikraj" bagi memperingati peristiwa yang sangat luarbiasa yang telah dilalui Rasulullah s.a.w. pada tahun ke-11 kerasulan Baginda. Pameran ini berlangsung selama 28 hari bermula 17 Februari 2023 sehingga 16 Mac 2023.

Pameran seperti ini akan menaikkan rasa ingin tahu dan kesedaran kepada pengguna yang hadir ke PLH. Manakala bagi pengunjung maya, masih boleh mendapat akses melalui portal PLH yang boleh dicapai melalui pautan <https://library.utem.edu.my/ms/pameran.html>

Semoga pameran ini dapat memberikan informasi dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat.



PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015 UTEM BAGI TAHUN 2023

Oleh: Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali

Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 UTeM Tahun 2023 bagi Perpustakaan Laman Hikmah telah berlangsung pada 12 April 2023. Pasukan Juruaudit yang terlibat adalah :

1. Dr. Ahamed Fayeez Bin Tuani Ibrahim (Ketua Auditor)
2. Puan Nurdyana Izyan Binti Ahmad Ahsan
3. Encik Musa Bin Abdullah
4. TC. Azhan Bin Abdul Raub

Pelaksanaan audit ini merangkumi Skop Sistem Pengurusan Kualiti & Organisasi yang berkaitan dengan proses pengurusan perkhidmatan perpustakaan. Kaedah Audit merangkumi temubual, pemerhatian, menyemak rekod dan dokumen serta laporan bertulis secara bersemuka.

Audit ini bertujuan untuk memastikan Sistem Pengurusan Kualiti yang diamalkan di UTeM mematuhi keperluan Pensijilan Standard MS ISO 9001:2015 serta UTeM dapat melaksanakan penambahbaikan dari masa ke semasa demi menjamin mutu kualiti perkhidmatan yang mampan.



SAMBUTAN MAHABBAH AIDILFITRI UTEM

Sumber: Facebook PLH



Kemeriahannya Majlis Mahabbah Aidilfitri 1444H/2023M Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang dihadiri oleh pelajar dan kakitangan universiti bertempat di Dewan Canselor, UTeM. Istimewa majlis ini telah dihadiri oleh TYT Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka ~~UNIVERSITI TEKNIKAL MELAKA~~ MELAKA.

Semoga majlis ini dapat mengeratkan ikatan kekeluargaan dan perpaduan antara warga UTeM. Reruai Perpustakaan Laman Hikmah menyediakan menu mee bandung udang dan kuey teow kerang bagi sambutan Mahabbah Aidilfitri kali ini.



PROGRAM JOM BACA SEMPENA BULAN MEMBACA 2023

Oleh : Mez Zelina Binti Yusof



Perpustakaan Laman Hikmah mengucapkan terima kasih kepada warga UTeM yang telah menjayakan Program Jom Baca Bersama 10 Minit pada jam 11.00 - 11.10 pagi sempena Bulan Membaca 2023. Program berlangsung secara serentak di seluruh negara bertujuan untuk menerapkan nilai dan budaya cinta akan buku dan ilmu.

Program Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan Program galakan membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Program ini merupakan satu kaedah untuk menggalakkan pembacaan dan memaklumkan kepada masyarakat mengenai penerbitan dan perlindungan harta intelek hak cipta.

Program ini juga sebagai tanda sokongan terhadap usaha mempromosikan budaya membaca yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia serta satu daripada kegiatan utama gerakan Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030 dengan slogan #MalaysiaMembaca.

Jadikan budaya membaca sebagai satu amalan mulia dalam hidup kita.



BEDAH BUKU: "ULUL ALBAB: MENGUNGGLI MINDA GENERASI MADANI"

Sumber: Facebook PLH



Program Sesi Bedah Buku Bersama Penulis bertajuk "Ulul Albab: Mengungguli Minda Generasi Madani" anjuran Perpustakaan Laman Hikmah , ini telah berlangsung di Ruang Santai, Aras 2, PLH bermula pada pukul 10.30 pagi sehingga 12.00 tengah hari yang disampaikan oleh YBhg. Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni).

YBhg. Datuk merupakan pemenang anugerah Buku Negara 2016, 2017, 2020 dan anugerah Buku UNESCO 2020.

Terima kasih kepada warga UTeM dan institusi luar yang hadir serta kepada penonton di 'Facebook Live' Perpustakaan Laman Hikmah.



PENILAIAN AKREDITASI PENUH MBOT

Oleh : Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali

Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) ke Perpustakaan Laman Hikmah Kampus Induk dan Kampus Teknologi. Lawatan ini sebagai persediaan audit bagi dua (2) program di bawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan iaitu Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian (BMMK) dan Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian (BMMI) akan diadakan pada 16 dan 17 Mei 2023.



LAWATAN PENANDA ARAS: BAHAGIAN SISTEM & TEKNOLOGI MAKLUMAT

Oleh : Mahadir Bin Che Ali

Lawatan penanda aras digunakan sebagai kaedah untuk menerapkan nilai yang baik daripada perpustakaan universiti lain untuk diterapkan bagi memantapkan perkhidmatan dan merealisasikan perancangan Pelan Strategik Perpustakaan Laman Hikmah 2023 – 2025 terutamanya dalam menyokong Teras 2 “Memperkasa Perpustakaan Digital & Mendakap Teknologi”.

Bagi tujuan tersebut tiga lokasi telah dipilih untuk mengenalpasti penambahbaikan yang doleh diterapkan di organisasi.

Bahagian Aplikasi Teknologi Digital, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

Lawatan diadakan pada 19 Januari 2023 bermula jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang dengan ucapan aluan daripada YBrs. Puan Zaharah binti Abd Samad, Ketua Pustakawan dan perkongsian maklumat diteruskan oleh Encik Muhamad Azrul Hisam bin Salleh, Pustakawan Kanan, Bahagian Aplikasi Teknologi Digital.

Perbincangan menjurus kepada kerjasama strategik untuk mewujudkan Kumpulan Pemantapan Sistem Perpustakaan KOHA dan ‘attachment’ berkaitan skop tugas multimedia.



Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka

Pada 10 Februari 2023 bermula jam 9.30 hingga 11.30 pagi, perkongsian berkenaan pengurusan dan penggunaan 'Virtual Reality' (VR) telah disampaikan oleh Encik Raifudeen bin Abd. Latif, Pustakawan Kanan dan Encik Fahmi, Pembantu Pustakawan.

Hasil lawatan tersebut, kerjasama strategik antara PERPUSTAM telah dicadangkan untuk mewujudkan perkongsian dan pemantapan pengurusan penggunaan VR.



Bahagian Teknologi Dan Repositori, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Lawatan terakhir pada 23 Februari 2023 bermula jam 10.30 pagi hingga 2.00 petang dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Encik Mohamad Salbihan bin Salman, Pustakawan Kanan merangkap Ketua Seksyen Komunikasi Korporat.

Sesi taklimat diteruskan oleh Dr. Mohd Helmi bin Masor@Mansor, Timbalan Ketua Pustakawan merangkap Ketua Bahagian, Bahagian Teknologi Dan Repositori telah disampaikan.

Kerjasama strategik telah dicadangkan iaitu mewujudkan Kumpulan Pemantapan Sistem Perpustakaan KOHA dan ruang untuk 'attachment' berkaitan skop tugas sistem perpustakaan dan repositori.



PERJUMPAAN KETUA PUSTAKAWAN BERSAMA STAF

Sumber: Facebook PLH

Pada 16 Jun 2023, telah diadakan sesi perjumpaan YBrs. Ketua Pustakawan, Puan Siti Saluwa binti Jamal bersama staf Perpustakaan Laman Hikmah bertempat di Bilik Tayangan.

Tujuan perjumpaan ini adalah bagi menyampaikan amanat dan sekaligus membentangkan laporan pencapaian Perpustakaan Laman Hikmah pada tahun 2022 serta pelan halatuju baharu. Ini merupakan perjumpaan pertama secara rasmi Ketua Pustakawan bersama staf perpustakaan, setelah beliau dilantik sebagai Ketua Pustakawan pada 1 Mac 2023.



BULAN MEMBACA PERTANDINGAN INFO HUNT

Sumber : Facebook PLH

'Infohunt' merupakan antara pengisian program sempena sambutan bulan membaca 2023 di Perpustakaan Laman Hikmah. Pertandingan adalah sebagai kesedaran maklumat dan galakan membaca dalam bentuk permainan. Program ini menggabungkan kemahiran berfikir, ujian IQ, ketahanan fizikal dan pemahaman peserta dalam mentafsir dan menilai serta mencari maklumat.



PROGRAM IQRA UL-QURAN

PERTANDINGAN BACAAN & TERJEMAHAN

Oleh : Arman Bin Mohammad

Bersempena Bulan Membaca 2023, Perpustakaan Laman Hikmah dan Pusat Islam dengan kerjasama Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM telah mengadakan Program Iqra Ul-Quran : Pertandingan Bacaan dan Terjemahan pada 21 Jun 2023 bertempat di Ruang Santai, Aras 2, Perpustakaan Laman Hikmah.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu pelajar dan staf yang menawarkan hadiah berjumlah RM 1,500.00. Program dimulakan dengan alunan bacaan Al-Quran oleh tetamu jemputan saudara Ahmad Azfar bin Azrai, Juara Tilawah Antarabangsa Bawah 15 Tahun Algeria Tahun 2022. Seramai 11 orang peserta terdiri daripada pelajar dan staf UTeM telah menyertai pertandingan ini yang diadili oleh dua orang juri iaitu Ustaz Muhammad Abbyd bin Zainal Abidin merupakan Pembantu Hal Ehwal Islam dan Ustaz Muhammad Azlin bin Ithnain daripada Universiti Islam Melaka.

Turut hadir pada program tersebut ialah Puan Siti Saluwa binti Jamal, Ketua Pustakawan, Encik Muhammad Asyraf bin Sulaiman, Pengarah Pusat Islam, Encik Arman bin Mohammad, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dan Ustaz Haji Azraie bin Dato' Haji Abdul Hak, bapa kepada Ahmad Azfar.

Semoga dengan penganjuran program ini akan menyuburkan lagi budaya membaca dan memahami maksud ayat Al-Quran di kalangan warga Universiti.



TAKLIMAT PENGGUNAAN PANGKALAN DATA SCIVAL & INCITES

Oleh : Mohd Mawardi Bin Badruddin



SciVal adalah pangkalan data yang menilai dan menganalisis prestasi penyelidikan institusi di seluruh dunia dengan menggunakan Scopus. Selain itu, SciVal menunjukkan penanda aras dengan menggunakan metrik, mengenalpasti kerjasama yang berpotensi dan visualisasi prestasi penyelidikan.

'QS World University Rankings' pertama kali diperkenalkan pada tahun 2004. Penarafan ini telah disertai lebih daripada 2,000 institusi dan telah memberi penarafan lebih daripada 800 institusi di seluruh dunia. Sehingga tahun 2022, UTeM giat menyusun strategi berimpak supaya memenuhi kriteria dalam 'QS World University Rankings' 2023. Lanjutan daripada itu, pada 26 Januari 2023, Bahagian Penyelidikan & Maklumat, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), UTeM telah menghadiri taklimat penggunaan pangkalan data SciVal dan InCites di Bilik Perbincangan, Pusat Sitosi dan Infometrik (PSI), Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya. Sesi taklimat ini melibatkan staf berikut:

1. Rasida Binti Abu Bakar, Pustakawan Kanan, PLH
 2. Mohd Mawardi Bin Badruddin, Pustakawan Kanan, PLH
 3. Hasliza Binti Mohamed, Pustakawan Kanan, PLH
 4. Mohd Arif Bin Mohd Azman, Pegawai Penyelidik, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Sesi taklimat bermula jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Taklimat ini telah dikendalikan oleh Encik Muhammad Yazid Ismail, Penolong Pengarah Kanan, Unit Analitik Data, PSI. Objektif utama taklimat ini adalah untuk mendedahkan dan memberi bimbingan kepada pustakawan menggunakan pangkalan data SciVal dan InCites yang dilanggani oleh PSI dengan lebih berkesan. Selain itu, pangkalan data SciVal sangat signifikan dalam proses menjana data penerbitan bibliometrik UTeM dengan lebih efektif dan efisien.

PERKONGSIAN ILMU SISTEM KOHA KEPADА INSTITUT KESIHATAN NEGARA

Oleh : Mahadir Bin Che Ali



Pada 8 Februari 2023, Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan, Institut Kesihatan Negara seramai sembilan orang staf yang diketuai oleh Ketua Sektor, Encik Wan Mohamad Fazali bin Mohd Salleh telah mengadakan lawatan ke Perpustakaan Laman Hikmah UTeM. Tujuan lawatan ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan pelaksanaan migrasi sistem perpustakaan bersepadu dari ILMU ke KOHA.



Kehadiran delegasi lawatan ini dimulai dengan kata-kata aluan daripada Puan Siti Saluwa binti Jamal, Timbalan Ketua Pustakawan bertempat di Bilik Mesyuarat Utama. Seterusnya, Bahagian Sistem & Teknologi Maklumat yang terdiri daripada Encik Mahadir bin Che Ali, Ketua Bahagian BSTM, Encik Mohamad Rashid bin Jantan, Ketua Seksyen Pengurusan Sistem & Aplikasi dan Encik Mohd Ikbar bin Jabbar telah memberikan taklimat perkongsian pengalaman dan pelaksanaan migrasi sistem perpustakaan bersepadu ILMU ke KOHA yang diantaranya :-

- Latar belakang : Sistem ILMU di PLH
- Faktor penting dalam membuat perancangan menggunakan sistem KOHA
- Perbandingan ciri-ciri sistem ILMU dan KOHA
- Persediaan migrasi sistem
- Pelaksanaan sistem KOHA di PLH



TAKLIMAT KESEDARAN CEKAP TENAGA

Oleh : Mohd Ikbar Bin Abdul Jabbar
(Jawatankuasa Tenaga PLH)



Aspek kecekapan penggunaan tenaga perlu diberikan penekanan kerana merupakan antara penyumbang terbesar kepada perubahan iklim melalui proses penjanaan tenaga dan pembakaran bahan api fosil. Justeru itu, masyarakat perlu mengubah gaya hidup mereka kepada kehidupan yang lebih mesra alam agar kelestarian alam sekitar dapat ditekankan selain menjalani kehidupan dengan mengamalkan penggunaan tenaga secara cekap.

Bagi tujuan seperti yang dinyatakan, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) melalui Jawatankuasa Pengurusan Tenaga PTj telah mengadakan aktiviti – aktiviti kesedaran dan di antaranya ialah taklimat kesedaran. Taklimat ini diberikan secara atas talian menggunakan platform WEBEX pada 17 Mei 2023 oleh Encik Ikbar Bin Abdul Jabbar selaku ahli Jawatankuasa Tenaga PLH. Tujuan utama sesi ini adalah memberi kesedaran dalam diri para pelajar agar tidak membazir dan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik sekaligus memberikan penjimatan terhadap universiti. Kesedaran berterusan seperti ini sangat diperlukan bagi memastikan tenaga elektrik digunakan secara cermat dan bijaksana.



'RESEARCH SUPPORT WEEK 2023'

Oleh : Hasliza Binti Mohamed

Penganjuran program "PLH Research Support Week 2023" merupakan satu inisiatif Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) untuk melonjakkan dan merancakkan landskap penyelidikan dan inovasi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Program ini diadakan bagi membantu dan mendukung matlamat UTeM bagi melonjakkan bilangan penerbitan serta memperolehi skor pengauditan yang lebih baik.

Ianya telah dilaksanakan bermula 19 Jun 2023 sehingga 23 Jun 2023. Pelbagai aktiviti yang dilaksanakan seperti :

- 'Library Outreach: Meet & Greet Research Support Librarians' di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Kampus Teknologi untuk membantu pelajar dan staf akademik berkenaan persoalan yang berkaitan dengan penyelidikan.
- 'Turnitin Training' dilaksanakan di Bilik Latihan, Aras 2 yang berfokus kepada 'instructor' oleh Encik Mazlan Bin Abdul Latif, perunding Turnitin.
- 'Kahoot! Quiz Competition: Research Resources @ PLH', menyediakan aktiviti untuk menjawab soalan secara atas talian menggunakan aplikasi Kahoot dijalankan selepas sesi perkongsian maklumat berkenaan penyelidikan bagi menguji kefahaman peserta.
- 'Emerald Training' disampaikan oleh Bernice Wong untuk menerangkan berkenaan penggunaan pangkalan data Emerald yang diikuti oleh pelajar dan staf akademik secara atas talian menggunakan Webex.
- 'PLH Online Quiz Competition' adalah kuiz berkenaan pangkalan data atas talian yang dilanggar oleh PLH.

Program ini dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada warga UTeM berkenaan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Maklumat di PLH serta memperkenalkan jenama 'Research Support PLH' yang signifikan dengan penerbitan, penyelidikan dan inovasi UTeM dan meningkatkan penggunaan pangkalan data yang dilanggar dengan optimum oleh penyelidik dan akademia UTeM.



**UTeM PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH
RESEARCH SUPPORT WEEK 2023**

SAVE THE DATE!

DAY 19	MONDAY	Library Outreach: Meet & Greet Research Support Librarians 10.00 am - 1.00 pm Lobby FKM, Technology Campus
DAY 20	TUESDAY	Turnitin Training 10.30 am - 12.30 pm Training Room, PLH
DAY	WEDNESDAY	

UTeM LIBRARY RESEARCH SUPPORT WEEK 2023

ONLINE QUIZ COMPETITION

23 June - 14 July 2023

Participate and stand a chance to WIN CASH PRIZES!

How to join:

- Access the quiz at <https://bit.ly/3N39EVF>
- Search the online databases via the library homepage (<https://library.utem.edu.my/en/online-databases.html>) to find all the answers.
- Answer all 10 questions correctly and submit your entry.
- All participants with correct answers will automatically be entered into a lucky draw for CASH PRIZES.

UTeM

EMERALD USER TRAINING
IN CONJUNCTION WITH PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH RESEARCH SUPPORT WEEK 2023

22 June 2023 Thursday

10.30 am - 11.30 am

LIVE ZOOM

OPEN TO STAFF & STUDENTS

REGISTER NOW!

Topical Coverage

- Business Administration
- Management & Strategy
- Islamic Finance
- Islamic Marketing
- Sustainability
- Additive Manufacturing
- Computer Information Systems
- Heat Transfer & Fluid Dynamics
- Robotic Technology
- Data Analytics & many more...

TURNITIN TRAINING FOR UTeM LECTURERS
In Conjunction with PLH RESEARCH SUPPORT WEEK 2023

TUESDAY, 20 JUNE 2023

10.30 AM TO 12.30 PM

TRAINING ROOM, LEVEL 2, PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

FACILITATOR

UTeM

TURNITIN TRAINING FOR UTeM LECTURERS
In Conjunction with PLH RESEARCH SUPPORT WEEK 2023

TUESDAY, 20 JUNE 2023

10.30 AM TO 12.30 PM

TRAINING ROOM, LEVEL 2, PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

FACILITATOR

PLH KOMITED MENCARI PELUANG KOLABORASI

Oleh : Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali

Pada tahun 2023, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) membuka ruang dan peluang dalam mencari rakan kolaborasi dalam penganjuran program secara kerjasama dalam membentuk hubungan dan kerjasama strategik khususnya sebagai strategi ke arah keterlihatan peranan dan jenama PLH serta UTeM kepada komuniti. Ianya merupakan satu peluang dalam memperkasa fungsi dalam penyebaran maklumat kepada pengguna serta faktor jangka panjang keterlihatan oleh agensi atau organisasi luar mengenai peranan bersama melalui bina hubungan strategik yang berterusan.

Pada 15 Februari 2023, satu perbincangan bersama Puan Tzafin-aiedhura Abu Hassan, Pengurus Pertubuhan Guru Perpustakaan Media Malaysia (PGPMM) cawangan Melaka telah diadakan bagi pelaksanaan kolaborasi kerjasama strategik antara PLH dan PGPMM.



16 Mac 2023 satu perbincangan bersama Encik Azli Muda Penolong Pengarah Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan mencari peluang-peluang program kolaborasi dalam bidang kepustakawan di sekolah sekitar negeri Melaka.

Pada 3 Mei 2023, satu sesi perbincangan bagi mengadakan kerjasama Program Menangani Keganasan Rumah Tangga: "Stop & Treasure" anjuran PLH dan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Melaka.



KUMPULAN PLH VARIANT MENERIMA PENARAFAN EMAS

Oleh : Nurul Akmar Binti Mehat



Kumpulan PLH Variant telah berjaya menerima penarafan emas dalam penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Malaysia 2022 Road To Beijing Siri 2 : ICQCC 2023 yang telah berlangsung pada 20 – 21 Mac 2023 bertempat di Hotel Swiss-Garden Bukit Bintang, Kuala Lumpur anjuran QKM Consults Sdn. Bhd.

Syabas diucapkan kepada kumpulan PLH Variant yang telah memberikan komitmen yang padu dan berusaha dalam menempah kejayaan serta mengharumkan nama Perpustakaan Laman Hikmah. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.



PLH MEMENANGI PERTANDINGAN VIDEO PENDEK INTEGRITI

Sumber : Facebook PLH

Tahniah Kumpulan Genius dan Kumpulan MK Perpustakaan Laman Hikmah yang telah memenangi tempat pertama dan kedua dalam Pertandingan Video Pendek Integriti anjuran Pejabat Penasihat Undang-undang, UTeM.

Pertandingan ini diadakan sebagai menggalakkan dan memberi pendekatan yang lebih menarik terhadap isu integriti serta membantu pembudayaan dan penginstitusian integriti dalam dengan kaedah yang lebih menarik.



JOHAN PERTANDINGAN LAMAN WEB UTEM

Oleh : Mahadir Bin Che Ali

Laman Web Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah diumumkan sebagai pemenang tempat pertama dan memperolehi penarafan 5 bintang dengan mendapat penilaian markah penuh (110 markah) dan 10 markah bonus dalam Pertandingan Laman Web PTJ Tahun 2022.

Keputusan pertandingan telah diumumkan oleh Ketua Pegawai Maklumat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Laman Web UTeM Bil.1/2023 bertarikh 10 April 2023 di Bilik Mesyuarat Utama PPPK. Sebanyak 36 laman web PTJ telah menyertai pertandingan dan pemenang laman web PTJ terbaik dinilai berdasarkan bintang dan skor markah tertinggi yang diperolehi. Tahniah kepada penyelaras laman web PLH, Encik Mahadir bin Che Ali dan Encik Norhairol bin Khalid.



**PERTANDINGAN DAN PENARAFAN BINTANG
LAMAN WEB PTJ**

2017 - Tempat Pertama	2020 - Terkini!
2018 - Tempat Kelima	
2019 - Tempat Pertama	
2020 - Tempat Pertama	
2021 - Tempat Pertama	
2022 - Tempat Pertama	

LAMAN HIKMAH LIBRARY

Official Website

MAJLIS PERPISAHAN DAN PENGHARGAAN

Oleh : Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali

Kelab LISTAC telah mengadakan Majlis Penghargaan kepada staf yang berpindah pada 9 Februari 2023 iaitu Encik Muaat bin Muji, pembantu operasi ke Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi. Majlis penghargaan ini turut disertai oleh Puan Siti Saluwa, Ketua Pustakawan serta staf Perpustakaan Laman Hikmah (PLH).

Terima kasih atas segala sumbangan bakti, dedikasi dan komitmen sepanjang tempoh 13 tahun berkhidmat di PLH. Semoga terus cemerlang di tempat baru dengan suasana baru, persekitaran baru dan rakan sekerja yang baru tanpa melupakan kenangan di PLH yang tercinta.



Hari ini menanam jagung,
Hari esok menanam serai,
Hari ini kita berkampung,
Hari esok kita bersurai.



'BRISK WALK' TANDA SOKONGAN GAYA AMALAN HIDUP SIHAT

Oleh : Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali

Melakukan senaman atau latihan fizikal adalah sesuatu aktiviti yang baik untuk kecergasan diri. Aktiviti ini dapat meningkatkan tahap kecergasan diri, selain itu aktiviti ini juga mampu mengurangkan berat badan yang berlebihan serta mengelakkan risiko serangan penyakit kronik. Ia juga mampu mengurangkan tekanan hidup yang adakalanya mengganggu kehidupan seperti tekanan emosi, sosial dan mental.

Sempena penganjuran bersama Program Talkshow@PLH dan Bicara Amalan Hidup Sihat pada 14 Jun 2023, Kelab LISTAC telah mengadakan aktiviti 'brisk walk'. Ia merupakan aktiviti berjalan dengan cepat dan dilakukan sebagai salah satu cara untuk meningkatkan tahap kecergasan serta menyokong kepada gaya hidup sihat kepada ahli kelab. Melalui aktiviti ini juga, ahli kelab berpeluang melakukan satu aktiviti intensiti sederhana aerobik yang dapat menyumbang kesihatan kepada mereka.



GOTONG-ROYONG SEMPENA MAJLISIFTAR IHYA' RAMADHAN

Sumber: Facebook PLH



Sekitar suasana gotong-royong bagi persediaan memasak, Majlis Iftar Ihya' Ramadan di Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM. Pada 13 April 2023 / 22 Ramadan 1444H daripada gabungan PTj PLH, CIO dan PPPK telah bersama-sama berganding bahu menyiapkan juadah berbuka puasa dengan membuat persiapan penyediaan bahan, memasak makanan dan menyediakan talam untuk berbuka puasa.

Jutaan terima kasih diucapkan atas kerjasama padu yang diberikan oleh semua staf kerana menyahut cabaran menyumbang tenaga dan wang ringgit bagi menjayakan majlis iftar kali ini.



MAJLIS AILDILFITRI PLH

Sumber : Facebook PLH

Di penghujung bulan Syawal yang akan beransur pergi, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dengan kerjasama Kelab LISTAC menganjurkan Majlis Aidilfitri PLH kepada staf bagi mengeratkan silaturrahim antara sesama ahli. Pelbagai juadah hari raya disediakan bagi meraikan semua yang hadir.



"Jika langkah membekas lara, jika kata merungkai dusta, jika jelingan jadi bisa, jika tingkah menoreh luka, jika suara menikam rasa, ampun dan maaf juga dipinta, hapuskan dosa tanpa dikira, agar sempurna sedia kala, tiada prejudis tiada wasangka"
-Selamat Hari Raya Aidilfitri-

PROGRAM TITIAN KASIH RAMADHAN

Sumber: Facebook PLH

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menganjurkan program Titian Kasih Ramadan pada 11 April 2023. Objektif utama program ini adalah untuk menyampaikan sumbangan kepada golongan B40 sekitar Melaka. Sumbangan yang disampaikan adalah berbentuk barang dapur, barang keperluan harian dan wang tunai.

Sumbangan telah disampaikan oleh Puan Siti Saluwa Binti Jamal, Ketua Pustakawan PLH kepada lapan (8) keluarga di sekitar kawasan Durian Tunggal, Jasin dan Batu Berendam.

Pihak PLH ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua staf PLH dan warga UTeM yang turut menghulurkan sumbangan.

Semoga dengan sumbangan yang diberikan dapat meringankan beban dan memberi manfaat kepada mereka bagi menyambut Syawal dengan lebih bermakna.



PELABURAN PERPUSTAKAAN MAKSIMA MANFAAT

Oleh : Intan Syaziyah Binti Mohamad Isa
(Pelajar Latihan Industri)



Perpustakaan akademik merupakan tunjang utama dalam menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di kalangan warga universiti. Saban tahun, perpustakaan memperuntukkan perbelanjaan yang tinggi bagi memastikan operasi kerja, fasiliti dan perkhidmatan yang terbaik dapat disediakan kepada pengguna.

Pengguna perlu memanfaatkan dan menghargai sumber yang terdapat di perpustakaan dengan baik. Bajet tahunan yang dikeluarkan oleh perpustakaan digunakan untuk membeli dan memperbaharui koleksi buku, majalah, 'e-book', jurnal elektronik, pangkalan data dan sumber bahan bacaan lainnya.

Pengguna harus mengambil inisiatif meluangkan waktu untuk merujuk dan membaca bahan-bahan tersebut, seterusnya membantu meningkatkan pemahaman serta pengetahuan terhadap pembelajaran mereka. Pengguna perlu menjaga kebersihan dan ketertiban dalam menggunakan bahan dengan mengembalikan bahan-bahan yang dipinjam dalam keadaan sempurna pada masa yang ditetapkan agar bahan tersebut boleh digunakan oleh pengguna lain.

Penganjuran aktiviti di perpustakaan melibatkan peruntukan kewangan bagi bayaran penceramah, penganjuran aktiviti, hadiah kepada pengguna dan lain-lain. Pengguna perlu mengambil kesempatan ini untuk terlibat sama, dimana ianya dapat memperluaskan pengetahuan meningkatkan daya fikir, tetapi juga membantu membangun rangkaian sosial yang bermanfaat.

Pengguna perlu menggunakan fasiliti yang disediakan dengan berhemah dan beretika untuk keperluan bersama secara berterusan. Menggunakan perkhidmatan konsultasi penyelidikan dan akses ke perisian dan peralatan yang disedaikan. Pengguna perlu mendapatkan perkhidmatan dari pustakawan yang berpengalaman untuk membantu mereka dalam mencari sumber-sumber yang relevan dan memberikan nasihat tentang strategi pencarian maklumat yang efektif. Dengan memanfaatkan fasiliti dan perkhidmatan ini, ianya dapat memberi banyak manfaat kepada pengguna dan meningkatkan kualiti kerja staf perpustakaan.

Secara keseluruhannya, pengguna perpustakaan perlu bijak memanfaatkan wang yang dilaburkan oleh perpustakaan. Dengan memanfaatkan sumber yang tersedia, menghadiri program dan bengkel, menggunakan perkhidmatan sokongan, serta menjaga sumber yang ada, pengguna dapat memperoleh manfaat secara optimum daripada bajet tersebut. Pemanfaatan yang bijak ini akan memberi impak positif kepada pembelajaran dan penitian mereka, serta memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan secara keseluruhannya.

SENTIASA MELAKUKAN AUDIT TENAGA DI RUMAH

Oleh : Norazizah Binti Md Tahir
(Penolong Pengurus Tenaga PLH)

Pengguna perlu berhemah dalam menggunakan elektrik dengan sentiasa memantau penggunaan tenaga di rumah serta memilih peralatan elektrik cekap tenaga dalam situasi kos penjanaan elektrik yang kian meningkat. Ditambah pula, sepanjang tempoh peningkatan titik panas dan ekoran cuaca kering ketika ini yang menyebabkan penggunaan kipas dan pendingin hawa yang tinggi.

Namun, bagi memastikan bil penggunaan elektrik tidak meningkat secara drastik, pemantauan berterusan boleh dibuat menerusi aplikasi MyTNB. Pengguna dapat melihat sendiri pola tenaga elektrik setiap hari dan bulan supaya dari situ pengguna boleh mengawal penggunaan barang elektrik di rumah supaya tidak terbeban dengan jumlah bil yang perlu dibayar sekaligus penjimatkan penggunaan elektrik dalam rumah dapat dipraktikkan.



Di samping itu, pengguna mempunyai beberapa kaedah yang bersesuaian dengan isi rumah masing-masing bagi mengawal penggunaan elektrik serta mengelakkan daripada berlakunya pembaziran tenaga. Sebagai contoh;

- Menggunakan mentol lampu yang menjimatkan tenaga (energy saving bulb)
- Menggunakan tenaga solar
- Menggunakan Cahaya semulajadi
- Menggunakan suis automatik atau pemas

DOKUMENTASI LISAN DAN KEPENTINGANNYA TERHADAP INSTITUSI PERPUSTAKAAN

Oleh : Nur Jannah Teh Binti Muhammad Firdaus Teh
 (Pelajar Latihan Industri)

Dokumentasi lisan adalah kaedah mengumpul dan memelihara sebuah peristiwa maupun tradisi yang diturunkan oleh orang-orang terdahulu melalui lisan dengan cara menemui bual orang yang pakar atau mempunyai pengetahuan / pengalaman tentang sesuatu perkara untuk dijadikan sebagai simpanan atau rujukan pada masa akan datang.



Perpustakaan mengambil inisiatif ini berdasarkan kepentingannya dengan menggunakan kaedah rakaman audio, video atau diterjemahkan semula dalam bentuk penulisan bagi tujuan simpanan dan sebaran. Dokumentasi lisan terbahagi kepada dua jenis iaitu:

- ▶ Sejarah lisan berfokus kepada maklumat sejarah, peristiwa-peristiwa penting, biografi tokoh dan skop fokus yang berkenaan.
- ▶ Tradisi lisan pula merujuk kepada pewarisan pengetahuan budaya, kepercayaan, dan adat resam melalui cerita lisan, lagu, dan bentuk komunikasi lain dari satu generasi ke generasi berikutnya.

Kepentingan Dokumentasi Lisan terhadap Institusi Perpustakaan

Dokumentasi lisan adalah antara kaedah yang digunakan dalam pengurusan pengetahuan 'Knowledge Management' bagi mendapatkan ilmu atau maklumat yang tidak terdapat di dalam buku yang hanya diperolehi melalui lisan secara penceritaan semula.

Ianya penting untuk pengumpulan, pemeliharaan, dan penyebaran bahan sejarah lisan yang beretika dan bertanggungjawab bagi memastikan ketepatan, integriti dan kebolehaksesan koleksi sejarah lisan sebagai sumber rujukan utama bagi penyelidik, sejarawan dan institusi yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat yang sah dan menyeluruh.

Kaedah untuk menghasilkan dokumentasi lisan yang berkualiti:

Semasa menjalankan temu bual sejarah lisan, adalah penting untuk mengetahui dengan siapa penemuduga berinteraksi dan memberi penemuduga topik-topik yang ingin dibincangkan. Ini akan membantu orang yang ditemuduga mempunyai masa untuk bersedia dengan sesi tersebut dan membuat hubungan dengan peristiwa penting lain.

Selain itu, temu bual harus dijalankan dengan gaya perbualan yang menarik serta soalan yang berlanjutan, dan tumpuan harus diberikan pada tanggapan, ingatan dan perspektif individu yang di temubual untuk penghasilan dokumentasi lisan mengikut standard yang diperlukan. Persekutaran yang kondusif dan selesa juga penting bagi memastikan sesi temubual tidak terganggu dan menghasilkan proses rakaman yang berkualiti.

PLH LANGGAN 6 PANGKALAN DATA ATAS TALIAN

Oleh : Muhammad Hafeez Bin Zainudin

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah melanggan enam (6) pangkalan data bagi tahun 2023 untuk kegunaan warga Universiti. PLH amat berharap agar warga Universiti dapat memanfaatkan secara maksimum ilmu yang terdapat pada kandungan pangkalan data tersebut bagi meningkatkan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Universiti. Di samping itu, jumlah pengaksesan pangkalan data yang tinggi akan mengurangkan kos per penggunaan tahunan dan membantu proses pembaharuan langganan pada tahun hadapan.

Sehubungan dengan itu, PLH mempelawa warga Universiti mengakses kesemua pangkalan data ini melalui :

Pautan pangkalan data: <https://library.utem.edu.my/en/online-databases.html>

Pengguna perlu menggunakan VPN/EZ Proxy bagi tujuan pengaksesan dari luar UTeM.

ONLINE Databases 2023

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

emerald PUBLISHING
Clarivate Analytics Journal Citation Reports
ProQuest DISSERTATIONS & THESSES GLOBAL

ScienceDirect
IEEE Advancing Technology for Humanity
Turnitin

Let's explore!

Emerald Insight
Science Direct
IEEE Xplore
Turnitin

SCAN ME

Any inquiry, kindly contact
Email: lamanhikmah@utem.edu.my
Phone: 06-2701199/128

Perpustakaan Laman Hikmah

INFORMASI PLH

Sumber : Facebook PLH

HAVE QUESTIONS? NEED HELP?

ASK A LIBRARIAN

Q & A

Online Chat Available
Visit our portal at www.libproxy.utm.edu.my and click "Ask a Librarian".
Mon-Fri, 8:30 am - 4:30 pm

NEW!!

Online Database 2023
Subscribed by UTeM

Web of Science (WoS)

Let's Discover Our New e-Resource
<https://library.utm.edu.my/en/online-databases.html>

SCAN ME

BOOK DONATION
Keep A Book Alive

All books must be:

- In good condition
- In Malay or English
- Any subject areas related to programmes offered by university
- Light reading books

For more information:
Nor Syah Ismail
UTeM's Collection, Gift & Exchange Section
norly@utm.edu.my | 06-2701259

WHAT IS TURNITIN?

Turnitin is an originality checking and plagiarism prevention service that checks your writing for citation mistakes or inappropriate copying.

POSTGRADUATE STUDENT
Request your Class ID and Enrolment Key from:-
Mrs. Mez Zeline binti Yusof (zeline@utm.edu.my)

UNDERGRADUATE STUDENT

- Email your paper together with details of name, matrix number & paper title to lamanhikmah@utm.edu.my
- Similarity report will be emailed within 3 working days

REMEMBER: Don't check your Turnitin Report by using any Turnitin ID from other universities or any free ID from internet.

RESEARCH SUPPORT PROGRAMME June 2023

OPEN TO STAFF & STUDENTS

7 JUNE MENDELEY Wednesday | 10:30 AM - 12:00 PM

14 JUNE RESEARCH SUPPORT FOR GRAIRASRA Wednesday | 10:30 AM - 12:00 PM

21 JUNE OPEN ACCESS Wednesday | 10:30 AM - 12:00 PM

REGISTER NOW! <https://bit.ly/43gjZm>

TURNITIN TRAINING FOR UTeM LECTURERS

In Collaboration with PLH RESEARCH SUPPORT WEEK 2023

TUESDAY, 20 JUNE 2023 10:30 AM TO 12:30 PM

TRAINING ROOM, LEVEL 2, PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

REGISTER NOW! LIMITED SEAT! <https://bit.ly/43gjZm>

PROMOSI BUKU DALAM BIDANG BERKAITAN FAKULTI

PLH mengambil inisiatif ini bagi:

- Menggalakkan buku pembelian dalam kategori pelajaran dan penyebarluasan secara optima bagi menunjang aktiviti akademik terutamanya pelajar dan pengaroh
- Meningkatkan jumlah peminjaman buku dan Return On Investment (ROI) kepada peribah Universiti

Tarikh Pelaksanaan :

16 Mei 2023, Selasa | FKEKK 10:00 am - 3:00 pm | Ruang Labi, Bangunan FKM

17 Mei 2023, Rabu | FTMK 10:00 am - 3:00 pm | Ruang Labi, Bangunan FTMK

18 Mei 2023, Khamis | FKM 10:00 am - 3:00 pm | Ruang Labi, Bangunan FKM

BOOK & COFFEE

SERVICE MANAGEMENT : OPERATIONS, STRATEGY, INFORMATION TECHNOLOGY

AUTHORS: SANJEEV BORDOLOI, JAMES A. FITZSIMMONS, MONA J. FITZSIMMONS

CALL NUMBER: 658.4152 BOR 2019

CURRENT LOCATION: PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH, TECHNOLOGY CAMPUS UTM

S.I.R.
SIRAMBI ILMU RAKYAT Corner

Pengguna perpustakaan kini boleh mengakses secara percuma pingsutan dato S.I.R. (Sirambi Ilmu Rakyat) Corner bertempat di Kampus Induk Perpustakaan Laman Hikmah (HL).

EXAM PAPER

Student can access UTeM exam paper collection through this link <https://libproxy.utm.edu.my/>


KEMPEN SUMBANGAN BUKU

Sumber : Facebook PLH

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) mengalum alukan kepada yang berminat untuk menyumbang buku ilmiah atau bacaan ringan ke PLH. Inisiatif sumbangan buku ini terbuka kepada staf, pelajar, alumni UTeM atau individu luar UTeM bagi memantapkan perkongsian ilmu secara berterusan disamping memperkayakan koleksi perpustakaan.

PLH menyediakan kotak sumbangan buku di lokasi berikut :

- 📌 PLH
- 📌 Canselori
- 📌 Pusat Pembelajaran Bahasa (PPB)
- 📌 Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
- 📌 Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK)
- 📌 Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
- 📌 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
- 📌 Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
- 📌 Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawan (FPTT)



Buku juga boleh disumbangkan secara terus ke Seksyen Koleksi UTeM, Hadiah dan Pertukaran, PLH atau di kaunter Sirkulasi Kampus Induk dan Kampus Teknologi.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Puan Nor Ilyah binti Othman (06-2701239 / norilyah@utem.edu.my).



**Perpustakaan Laman Hikmah
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100
Durian Tunggal, Melaka.**

Phone: +6062701200

Fax: +6062701039

Email: lamanhikmah@utem.edu.my

Edisi dalam talian: Buletin Perpustakaan (utem.edu.my)

